

**ISU DAN CABARAN DALAM PEMBANGUNAN BELIA:  
BEBERAPA PEMERHATIAN PENTING**

**Azimi Hamzah, Ed.D2**

**Turiman Suandi, Ph.D.**

**Pengenalan**

Pelbagai pendekatan telah digunakan untuk membangunkan belia. Di Malaysia, strategi pembangunan belia berasaskan kepada pertubuhan belia telah lama bertapak dalam rangka pembinaan generasi penerus negara. Pertubuhan-pertubuhan belia terdapat di tiap-tiap negara - kampung, mukim, daerah, negeri dan negara. Secara amnya pertubuhan-pertubuhan belia ini diharap dapat berperanan sebagai penggerak perubahan, pembantu proses, pemberi penyelesaian dan sebagai penghubung sumber dalam konteks pembangunan belia yang berterusan. Kerajaan telah mengiktiraf pertubuhan belia sebagai mempunyai potensi utama pembangunan belia. Di antara pengiktirafan yang tertinggi, yang dicemburui oleh para belia di negara-negara lain ialah dengan sokongan terhadap perubahan dan menerima Majlis Perundingan Belia (MPB) di peringkat nasional dan negeri-negeri sebagai penasihat kepada kerajaan dalam isu-isu yang berkaitandengan pembangunan belia.

Kedudukan MPB sebagai kabinet belia semestinya lebih dinamik dalam memainkan peranan sebagai pencipta trend and persekitaran bagi pertubuhan-pertubuhan belia terus subur sesuai dengan tuntutan masa. MPB bersama dengan pejabat Belia Negeri dan Majlis Belia Negeri mewujudkan satu mekanisma bagi meneliti serta mengeluarkan panduan-panduan bagi pertubuhan-pertubuhan belia memenuhi matlamat pembentukannya.

- 
1. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Majlis Perundingan Belia Negeri Sembilan bagi sidang 1 1996
  2. Pensyarah Unit Pengajian Penbanguan Belia, Pusat Pengembangan dan Pendidikan Lanjutan Universiti Pertanian Malaysia, Serdang Selangor.

Dari beberapa segi pertubuhan belia masih berada dalam kemelut yang lama dengan isu-isu yang lapuk tidak dipulihkan. Sebagai contoh, masalah pertubuhan belia lesu terus bermaharajalela sehingga dijadikan satu agenda dalam bab Pembangunan Belia RMK-7. Oleh yang demikian, dalam konteks pembangunan belia melalui pertubuhan belia MPB sebagai badan penggerak, beberapa pemerhatian sebagai asas untuk bertindak adalah sesuai diketengahkan. Pemerhatian-pemerhatian ini berkisar kepada beberapa persoalan: Adakah matlamat jangka pendek, sederhana dan panjang untuk membangunkan pertubuhan belia jelas? Sejauh mana Dasar Belia Negara dan dasar lain untuk belia dihayati dan diterjemahkan secara terperinci dalam membangunkan pertubuhan belia? Sejauh manakah pemimpin pertubuhan belia bertindak secara profesional dalam melaksanakan kerja belia?. Sejauh manakah MPB dan rakan kongsinya bertindak sebagai pembimbing pertubuhan belia?. Sejauh manakah potensi pertubuhan belia telah diserlahkan sebagai agen sosialisasi golongan muda?.

### **PEMERHATIAN 1**

Kajian Unit Pengajian Pembangunan Belia UPM mengenai perkaitan matlamat dengan perkaitan antara falsafah/arah matlamat, objektif dan program pertubuhan-pertubuhan belia di Malaysia menunjukkan bahawa situasi-situasi berikut wujud:

- Terdapat situasi dimana unsur -unsur pembangunan belia terdapat dalam falsafah/arah matlamat dan objektif tetapi tidak terdapat dalam program ini. Apabila ini berlaku maka pincanglah usaha pembangunan belia kerana fenomena ini menunjukkan bahawa perancangan yang begitu baik dan falsafah/arah objektif yang begitu unggul hanya menjadi slogan sahaja tetapi tidak dijalankan dan tidak direalisasikan. Keadaan ini menjadikan 'cakap tak serupa bikin' .
- Situasi kedua menunjukkan bagaimana unsur-unsur pembangunan belia tidak terdapat dalam falsafah/arah matlamat tetapi terdapat dalam objektif dan program. Keadaan ini boteh menyebabkan program yang dijalankan tidak menepati kehendak dan semangat sebenar walaupun ia mencapai matlamat.
- Situasi ketiga ialah dimana unsur -unsur pembangunan belia terdapat dalam

program tetapi tidak terdapat dalam falsafah/arah matlamat dan objektif. Keadaan ini menunjukkan bahawa aktiviti yang dijalankan lebih bersifat "ad hoc" tanpa memikirkan sama ada program yang dijalankan itu sesuai dengan falsafah dan objektif pembangunan belia.

- o Situasi terakhir ialah di mana unsur-unsur pembangunan belia terdapat dalam objektif tetapi tidak terdapat dalam falsafah/arah matlamat dan program. Keadaan ini menunjukkan bahawa pertubuhan mempunyai objektif yang tidak selaras dengan falsafah/arah matlamat pembangunan belia, dan tidak dijelmakan dalam bentuk program.

Penemuan ini menunjukkan bahawa falsafah pertubuhan belia yang sepatutnya memberi arah jangka panjang sederhana dan pendek tidak berfungsi seperti yang diharapkan. Arah atau matlamat yang am, sekiranya tidak diterjemahkan kepada objektif yang khusus, lebih merupakan bahan angan-angan daripada penghasilan yang muktamad. Daripada pengamatan penulis, sebahagian besar badan-badan yang terlibat dalam kerja-kerja belia menghadapi masalah ini. Oleh yang demikian mereka tidak dapat terlibat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menuju kepada memenuhi matlamat penubuhan mereka. Ini dapat dilihat dengan mudah melalui perbandingan aktiviti-aktiviti yang mereka kendalikan sepanjang tahun dengan matlamat penubuhannya, dan banyak di antaranya tidak menjurus kepada pencapaian yang diharapkan. Malah terdapat sebahagian besar aktiviti-aktiviti yang diwujudkan merupakan aktiviti 'ad hoc'. Kerana kelemahan ini banyak kerja yang dijalankan tidak berterusan tiada susulan dan juga kabur dari segi matlamat jangka pendek dan jangka panjang. Kerja-kerja belia yang tidak berasaskan objektif-objektif khusus yang menuju kepada matlamat yang lebih besar sukar mendatangkan kesan kepada pembangunan belia. Lebih merbahaya lagi, apabila suasana begini wujud (tidak mempunyai arahan yang jelas), badan-badan berkenaan mudah ditiup oleh arus dan terkeluar dari landasan.

Sehubungan dengan cabaran di atas, timbul satu soalan - bukannya Dasar Belia Negara (DBN) dibentuk untuk memberi arah kepada kerja-kerja di Malaysia?. Secara am soalan ini boleh dijawab dengan nada dan maksud positif. Walau bagaimanapun pembentukan DBN mempunyai berbagai-bagai tujuan. Selain memberi matlamat yang menyeluruh mengenai pembangunan belia di negara ini, ia mengiktiraf kehadiran kumpulan belia dan sumbangan mereka

kepada pembangunan negara, serta menekan aspek penyelarasan dalam kerja-kerja belia sejajar dengan hasrat pembangunan negara. Terdapat beberapa isu yang praktikal berhubung dengan penggunaan DBN sebagai asas matlamat dalam kerja-kerja belia.

Dasar Belia Negara telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri melebihi lima tahun dahulu. Dari kajian dan pengamatan penulis dan rakan penyelidik yang lain, dokumen ini masih belum dihayati oleh kebanyakan agensi kerajaan, badan-badan kerajaan dan juga pemimpin belia. Apatah lagi untuk mencapai tahap peneltian dan pelaksanaan. Ramai yang tahu kewujudan DBN, tetapi hanya memperkatakan lebih sebagai falsafah berbanding panduan pelaksanaan. Malah didapati juga pengakuan yang badan-badan pembangunan belia ini tidak merasai apa-apa kesan dari DBN mahupun membuat perubahan (selain dari perbincangan tentang had umur yang dianggap belia) selepas lahirnya DBN. Berbagai-bagai soalan boleh diutarakan mengenai mengapa DBN belum mendapat perhatian yang meluas sedangkan antara tujuan utama ia dibentuk ialah untuk memberi asas arah kerja-kerja belia negara.

Adakah kandungannya terlalu konseptual hinggan susah untuk diterjemahkan ke dalam bentuk program?

Adakah masih banyak perkara yang dipersoalkan dari proses pembentukan DBN?

Adakah penjelasan mengenai DBN belum nyata?

Adakah matlamat dalam DBN tidak sejajar dengan matlamat badan-badan yang terlibat dalam Pembangunan Belia?

Mungkinkah tiada pihak yang dipertanggungjawabkan untuk mendalami DBN, membentuk program dan strategi pendekatan bagi pelaksanaannya dan menggalak serta menyelaraskan pelaksanaannya di kalangan agensi/badan yang terlibat dalam kerja-kerja belia?

## **PEMERHATIAN 2**

Dalam beberapa pertemuan dengan pemimpin dan ahli pertubuhan belia, penulis mendapat gambaran kematangan pertubuhan belia yang ada. Ia boleh dikategorikan kepada tiga tahap: Tahap bayi; tahap belia, dan tahap dewasa. Kebanyakan pertubuhan belia berada di tahap kematangan bayi, sedikit di tahap belia dan hanya segelintir mencapai tahap kematangan dewasa. Kebanyakan pertubuhan belia mempunyai pemimpin dan ahli yang berkecimpung dalam

pertubuhan belia atas maksud kepentingan peribadi diri atau keuntungan peribadi sebagai contoh (dapat peluang melawat, menghadiri seminar atau peluang mendapat status) seumpama bayi. Bayi menangis untuk mendapatkan susu, ditukarkan lampin, untuk dibuai atau untuk diberi ubat. Situasi begini adalah jauh daripada ciri-ciri seorang pekerja belia profesional. Kematangan tahap perlu dipupuk, dikikis dan diusahakan agar mereka yang terlibat mempunyai pengetahuan, sikap dan amalan seorang profesional. Di antara ciri-ciri profesional ini termasuklah:

- Mempunyai rasa tanggungjawab dan komitmen yang tinggi terhadap organisasi pekerjaan dan penerima.
- Bersedia untuk memberi khidmat kepada orang lain lebih daripada kepentingan diri sendiri. (Di sinilah letaknya kekuatan kerja belia di mana semangat kesukarelawanan menjadi tulang belakang kepada pergerakan belia)
- Bermotivasi tinggi untuk mengekalkan kecemerlangan dalam kerja dan sentiasa berusaha memperbaiki diri.
- Bekerja sebagai satu pasukan dan sentiasa berkongsi maklumat (yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul)
- Mengamalkan konsep pembelajaran seumur hidup (menghadapi semua cabaran sebagai peluang untuk memajukan diri)
- Menganbil berat hal ehwal rakan sejawat (boleh jaga tepi kain orang lain tetapi jangan jaga dalam kain orang lain). Pekerja belia perlu mengambil berat mengenai pekerja yang lain dan menghormati sesuatu yang terlalu peribadi.
- Bekerja mengikut kod etika kerja yang telah dikenalpasti. Prosedur kerja dibentuk untuk memudahkan kerja dan bukan sebaliknya.
- Peka atau sensitif kepada perkembangan yang berlaku di persekitaran kerja

- Mempunyai sifat-sifat kreatif (memberikan pelbagai sumbangan yang bernas untuk kebaikan semua), proaktif (bertindak awal sebelum masalah timbul) dan interaktif (menghubungkan setiap bahagian supaya menjadi lebih padu)

Budaya profesionalisma perlu diterapkan dalam setiap diri pekerja belia untuk mewujudkan pergerakan belia yang berwibawa. Di sini dibentangkan beberapa pandangan mengenai langkah untuk menentukan profesionalisma sebagai satu budaya dalam kehidupan harian. Ada empat situasi yang perlu diberikan penekanan dalam usaha mewujudkan budaya profesionalisma di kalangan pekerja iaitu diri, keluarga, tempat kerja dan masyarakat. Dalam keempat-empat situasi ini perkara-perkara berikut perlu diberi penekanan:

- Membentuk matlamat yang jelas (khusus, boleh diukur, boleh dicapai, realistik, ada jangka masa). Hari ini mestilah lebih baik daripada semalam.
- Mengamalkan sikap yang positif untuk mengawal kehidupan harian. Lakukannya sekarang juga bukan nanti esok atau lusa.
- Membentuk imej diri, keluarga, tempat kerja, dan masyarakat yang cemerlang. Kita adalah apa yang kita fikirkan mengenai diri kita. Jangan sabotaj diri sendiri, sebaliknya berikan tahniah kepada diri kita dari masa ke masa.
- Membangunkan potensi diri, keluarga, tempat kerja dan masyarakat. Kita dilahirkan bukan untuk gagal. Rebut peluang yang ada. Mungkin ia datang sekali sahaja dalam hidup kita.
- Semarakkan nilai-nilai murni dalam diri, keluarga, tempat kerja dan masyarakat. Hidupkan Sunnah dalam kehidupan harian.
- Memperbaiki diri melalui latihan dan pendidikan seumur hidup untuk membawa perubahan dari segi pengetahuan, kemahiran dan sikap. Semuanya dilakukan untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t agar kita hidup bahagia dunia dan akhirat.
- Melibatkan penyelidikan dan pembangunan dalam program belia yang

dijalankan supaya kita terus berkembang dan menjadi lebih profesional.

- Menghayati peranan pekerja belia sebagai penggerak, pembantu proses, pemberi penyelesaian dan penghubung sumber.
- Sentiasa berusaha untuk memperbaiki kaedah atau pendekatan dalam kerja belia dengan mempelbagaikan cara kita bertindak. Janganlah mengharapkan hasil yang berbeza dengan cara yang sama.
- Semarakkan semangat kesukarelawan dalam diri, keluarga, tempat kerja dan masyarakat. Ini adalah tulang belakang kepada pergerakan belia. Kalau semangat ini dibiarkan pupus maka konsep masyarakat penyayang akan hanya menjadi slogan sahaja dan tidak menjadi satu realiti kehidupan.
- Berterusan berusaha, berdoa dan bertawakal kepada Allah s.w.t untuk mendapatkan kecemerlangan dalam kerja belia.

Bagi kedudukan di atas beberapa isu boleh ditimbulkan. Sejauh mana profesionalisme dalam kerja belia dihayati oleh pemimpin-pemimpin pertubuhan belia?. Setakat mana penekanan yang berikan oleh badan-badan yang terlibat dalam membangunkan belia mengenai profesionalisme dikalangan anggota-anggotanya?. Adakah sesiapa sahaja yang berminat dengan belia boleh menjadi pekerja belia?. Apakah etika kerja profesional yang dapat menentukan norma-norma bagi pekerja belia?. Apakah pendekatan pekerja belia masa kini berkeupayaan menghadapi cabaran masa?. Apakah persediaan asas yang perlu ada pada seseorang untuk bekerja dengan belia?. Persoalan-persoalan ini merupakan antara perkara pokok yang harus diteliti untuk keberkesanan dalam kerja belia dalam kontek menghidupkan pertubuhan belia. Profesionalisme dalam kerja belia amat diperlukan lebih-lebih lagi dalam keadaan sekarang dan juga akan datang bagi menghadapi persekitaran yang dinamik dan pembangunan yang pesat.

### PEMERHATIAN 3

Lanjutan daripada pemahaman yang kurang jelas dalam membangunkan belia dikalangan pekeIja belia, maka berlakulah situasi persaingan yang tidak sihat di antara pihak penyelaras (termasuk MPB, MBN dan JBS) dengan pertubuhan belia. Pembangunan belia bertujuan meletakkan para belia atau pertubuhannya dan pihak penyelaras mempunyai peranan dalam hal ini dan bukan bersaing untuk menonjolkan siapa kuat. Sekiranya perkara ini berterusan para belia akan kurang yakin dengan keikhlasan badan penyelaras dan menarik diri atau menjadi pertubuhan yang dependen dan tidak berkembang. Secara terperinci peranan MPB dan KBS merangkumi perkara-perkara berikut:

Di antara peranan badan penyelaras dalam dalam menggerakkan pertubuhan kerja-kerja belia termasuklah:

- Mewujudkan forum kerjasama yang berterusan dengan badan bukan kerajaan dalam apa jua perkara yang berkaitan dengan polisi.
- Menyediakan saluran bagi belia menyampaikan fikiran, keperluan dan masalah mereka ke peringkat pembuat keputusan yang paling tinggi.
- Mengesan pelaksanaan Dasar Belia Negara bagi tujuan mempertingkatkan usaha badan-badan yang terlibat dalam merealisasikan dasar tersebut.
- Menyelaraskan aktiviti-aktiviti pertubuhan belia.
- Mengendalikan atau membentuk badan untuk mengedalikan penyelidikan dan penilaian mengenai apa jua yang berkaitan dengan pembangunan dan kerja-kerja belia serta menyampaikan penemuan dan cadangan kepada badan-badan yang terlibat.
- Menentukan yang pertubuhan belia diwakili di tiap-tiap peringkat dalam proses membuat keputusan di peringkat tinggi.
- Menyediakan jurulatih dan juga kemudahan bagi membentuk sukarelawan dan pekerja belia yang profesional.



- Menyediakan khidmat sokongan kepada semua badan yang terlibat dalam kerja-kerja belia.
- Mewujudkan pusat sumber mengenai apa jua perkara yang berkaitan dengan belia.
- Menyediakan bantuan kewangan dan kepakaran bagi:
  - aktiviti-aktiviti belia dalam negeri
  - program-program belia peringkat antarabangsa
  - sambutan hari-hari yang berkaitan dengan kepentingan belia
  - sokongan media massa dan komunikasi

Badan penyelarasan pertubuhan belia perlu membantu peranan pertubuhan belia tetapi bukan bersaing dengan mereka. Di antara peranan pertubuhan belia termasuklah:

- Menyusun matlamat pertubuhan selaras dengan Dasar Belia Negara
- Mengendalikan kerja-kerja belia secara professional
- Memberi pandangan serta membantu badan penyelarasan dalam perancangan dan pelaksanaan program untuk belia.
- Menentukan anggota aktif serta sentiasa dilengkapi dengan maklumat mutakhir mengenai pertubuhan sendiri dan juga badan yang lain.
- Memberi kerjasama dengan badan penyelarasan dalam bidang latihan.
- Menjaga hak asasi anggota dan belia secara am.

Badan penyelarasan dan pertubuhan belia adalah sebagai rakan seperjuangan dalam membangunkan belia. Perhubungan yang diharapkan ini akan terjejas sekiranya kedua-dua peranan tidak mengawasi peranan masing-masing serta tidak melaksanakannya secara sistematik dan teratur.

#### **PEMERHATIAN 4**

Pertubuhan belia adalah sumber utama pembangunan manusia. Potensi sumber ini diserahkan sepenuhnya. Sebagai titik-tolak ke arah ini, berikut disertakan Saudara Mustafa Kamil Ayub semasa persidangan Agen Pewaris pada bulan Mei yang lepas : (Mustaffa Kamil Ayub, 1996).

- Pengiktirafan yang sewajarnya serta berterusan perlu diberikan kepada pertubuhan belia di pelbagai peringkat akan peranan dan fungsi pergerakan belia. Ini termasuklah hal-hal yang membabitkan kelulusan, sokongan dan dorongan. Dalam konteks ini juga, adalah amat relevan untuk turut dipertimbangkan persoalan akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) yang selalui dianggap sebagai satu stigma yang mengongkang proses sosialisasi belia/mahasiswa di peringkat yang lebih luas.
- Mempergiatkan usaha mengiktirafkan pertubuhan belia yang lesu dan tidak mampu menarik minat generasi muda. Suatu gerakan bersepadu yang membabitkan keprihatinan pelbagai pihak amatlah diperlukan. Tindakan pihak kerajaan untuk menganjurkan Program Pimpinan Perdana (PPP) adalah suatu usaha yang amat relevan dalam konteks ini dan perlu mendapat sokongan daripada semua pihak.
- Mempelbagaikan bentuk gerakan belia atau aktiviti gerakan belia bagi menampung kepelbagaian minat kelompok-kelompok generasi belia walaupun dalam rnsa yang sama mengkongsi aspirasi yang sama ke arah mengangkat martabat negara dan ummah. Hal ini ada kaitannya dengan pendedahan yang kian meningkat apatah lagi dalam dunia komunikasi dan 'Cyber space'. Sesungguhnya ini memerlukan gerakan belia dan program belia yang tetap relevan serta menarik minat golongan muda.
- Memantapkan jentera badan penyelaras seperti MPB, MBN, JBS yang terbabit dalam program pembangunan belia bagi memastikan satu sinergi yang berkesan. D memperkenakan bab khusus mengenai pembangunan belia buat pertama kalinya dalam Rancangan Malaysia ke-7 (RM7) seperti yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia sesungguhnya menghimbau kepada

langkah agar penyelarasan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian dapat dilakukan dengan cukup berkesan.

- Proses peningkatan kualiti kepimpinan belia yang bersepadu mestilah dipertingkatkan. Ini ada kaitannya dengan harapan dan tanggapan yang sesungguhnya meminta pimpinan belia bertindak sebagai pendidik, pemikir, kaunselor, 'ibu-bapa', rakan sebaya dan seumpamanya. Hanya dengan berbuat demikian memungkinkan peningkatan keberkesanan pergerakan belia sebagai agen sosialisasi.
- Memastikan setiap perancangan dan polisi membabitkan pembangunan belia. Sudah tentu dalam konteks ini pengenalan bab khusus pembangunan belia adalah suatu indikator jelas yang menunjukkan kepentingan generasi muda. Oleh yang demikian di setiap peringkat, pengubalan dan pelaksanaan polisi-polisi utama ini perlulah membabitkan gerakan belia agar dapat sama-sama dipastikan keberkesanannya.
- Pergerakan belia mestilah memberikan fokus khas dalam perancangan dalam usaha menangani gejala sosial remaja semasa. Pendekatan terkini dengan penekanan kepada nilai moral and akhlak bagi menarik kelompok belia yang memerlukan perhatian khusus ini amat diperlukan.
- Pergerakan belia seluruhnya perlulah terus meningkatkan kemampuan bagi menyediakan program-program alternatif terutamanya dalam memantau serangan budaya dan dunia hiburan yang sebahagiannya tidak serasi dengan nilai-nilai luhur agama dan budaya tempatan. Suatu usaha yang serius amatlah diperlukan dalam memperkasakan perkembangan budaya yang sihat sebagai alat sosialisasi yang ampuh.
- Penyediaan prasarana dan kemudahan fizikal sebagai tempat untuk berinteraksi bagi golongan remaja dengan pengawasan yang teratur perlulah diwujudkan. Pusat Rakan Muda seperti yang dicadangkan adalah sebahagian dari usaha yang amat-amat di alukan.
- Satu pemuafakatan yang akhirnya mewujudkan "manufacture of consent"

atau kesatuan pandangan dalam menangani persoalan generasi muda perlulah diwujudkan. Hal ini amat penting agar akhirnya setiap pihak yang terbabit dalam proses ini mempunyai pandangan serta teori perkembangan remaja yang serasi dengan budaya tempatan.

#### **PEMERHATIAN 5**

Halangan besar yang dihadapi oleh kebanyakan persatuan belia ialah ketiadaan sumber kewangan yang mencukupi untuk membiayai program yang mereka hendak jalankan. Banyak pertubuhan yang masih terlalu bergantung kepada pihak lain termasuk kerajaan untuk mengadakan program. Di sinilah pentingnya setiap persatuan belia mempunyai aktiviti ekonomi yang teguh. Aktiviti pengumpulan dana dan penjana tabungan yang mantap dan stabil perlu dilipatgandakan. Untuk menentukan tidak ada penyelewengan berlaku maka perlu ada kakitangan khas yang akan mengawal pengurusan kewangan pertubuhan. Apabila kedudukan kewangan telah kuat maka barulah pertubuhan dapat menjalankan program-program jangka pendek, sederhana dan panjang atau membeli peralatan teknologi maklumat termasuk komputer dan peralatan yang lain dengan sumbangan sendiri tanpa terlalu mengharap orang lain. Walau bagaimanapun, usaha untuk mendapatkan' sumbangan dari pelbagai pihak perlu diteruskan dan dipergiatkan. Di samping itu pertubuhan perlu memberikan peluang kepada ahli-ahlinya yang terlibat dengan aktiviti perniagaan misalnya dengan memberikan pinjaman sebagai modal permulaan. Setelah berjaya ahli-ahli tersebut bolehlah memberikan sumbangan 5-10 peratus kepada persatuan untuk digunakan dalam membantu belia yang lain pula.

Sudah tiba masanya semua persatuan belia menjalankan kegiatan ekonominya pada tahap komersil. Masyarakat tidak akan memandang persatuan belia sebagai sebuah persatuan yang berfaedah jika tidak ada projek yang 'substantive' yang dapat menunjukkan kewibawaan kepimpinannya. Pengalaman Pertubuhan Belia kampung Endah menunjukkan bahawa belia boleh bertindak cemerlang dalam bidang pembangunan ekonomi. Sebagai contoh, pengalaman dalam projek Tanaman Sayur Berkelompok seluas 25 ekar telah mendatangkan hasil yang boleh dibanggakan. Kejayaan yang dicapai adalah hasil daripada kesungguhan pertubuhan dalam pentadbiran dan pengurusan projek, penglibatan agensi-agensi pembangunan, norma dan peraturan, penjadualan,

peserta, infrastruktur, serta pemasaran. Secara kolektif projek tersebut telah mendapat hasil bernilai lebih kurang RM25,000 untuk bulan April 1992. Data ini menunjukkan pertubuhan boleh melakukan sesuatu untuk pembangunan ekonomi.

Berikut adalah beberapa saranan yang boleh difikirkan oleh semua pertubuhan belia dari segi pembangunan ekonomi:

- Kegiatan *'fund-raising* perlu dijalankan berterusan melalui projek-projek yang berpotensi menghasilkan pulangan yang lumayan. Projek-projek yang *viable* termasuklah pertanian, perusahaan, pembuatan dan aktiviti sukan dan olahraga termasuk jogathon dan sukan yang lain.
- Dapatkan komitmen dari setiap ahli masyarakat sekeliling untuk menyumbangkan wang kepada persatuan setiap bulan. Berikan keyakinan kepada masyarakat bahawa wang yang disumbangkan merupakan saham yang akan dapat memberikan faedah kepada generasi akan datang, Katalah dalam sebuah kawasan yang ada persatuan belia mempunyai 1000 orang yang sanggup menderma RM1 sebulan, maka persatuan akan mendapat RM1000 sebulan.
- Ahli-ahli persatuan belia sendiri perlu komited dalam memberikan yuran keahliannya. Kalau sebuah persatuan ada 200 orang ahli dan setiap ahli membayar RM5 sebulan, maka persatuan akan mendapat RM 1000 sebulan.
- Dapatkan komitmen dari pemimpin tempatan termasuk wakil rakyat dan badan-badan lain termasuk JKKK, ahli-ahli korporat dan orang perseorangan yang sedia menghulurkan derma mereka secara berterusan. Katakanlah pertubuhan boleh dapat RM1000 sebulan.

Untuk mendapatkan RM3000 sebulan, pertubuhan kena kerja keras. Pengurusan mesti cekap. Komitmen mesti tinggi. Bukan mustahil untuk mendapatkan jumlah tersebut, tapi kena usaha. Dengan wang pertubuhan sebanyak RM 36,000 setahun membolehkan pertubuhan belia mengubah keadaan yang sedia ada dan memulihkan imej yang lebih positif. Dengan cara ini barulah masyarakat dan para belia yang tidak menganggotai pertubuhan sekurang-kurangnya sedar bahawa pertubuhan belia mampu bergerak sebagai sebuah organisasi cemerlang dan memberikan sumbangan cemerlang.

## **PEMERHATIAN 6**

Pertubuhan belia tidak boleh bergerak bersendirian. Ia perlukan sokongan dan kerjasama dari pelbagai pihak. Penglibatan yang bersepadu dari pelbagai pihak sangat diperlukan bagi menyerlahkan kemampuan belia untuk menjadi rakan pembangunan negara. Jika diperhatikan, ramai anak-anak muda yang memasuki alam pekerjaan dipelbagai sektor, dan paling ramai tentu sekali di bahagian operator pengeluaran. Mereka perlu diberikan pendedahan dan peluang untuk melibatkan diri dalam kegiatan belia. Mereka perlu mempunyai pertubuhan mereka di tempat kerja. Pihak majikan perlu memberikan kerjasama dan sokongan kepada mereka yang mahu terlibat dengan kegiatan sukarela. Penglibatan mereka dalam kegiatan seumpama itu mestilah tidak dipandang sebagai satu usaha membantu kerajaan dan masyarakat untuk mewujudkan generasi yang maju. Banyak program yang dijalankan pertubuhan-pertubuhan yang mewakili belia ini dari pelbagai kilang dan syarikat. Peluang begini bukan sahaja akan menguntungkan belia tetapi untuk jangkamasa panjang memberikan keuntungan kepada kilang berkenaan. Tetapi impian ini tidak akan tercapai sekiranya pihak kerajaan atau penyelarasan persatuan belia seperti MPB tidak campur tangan. Pihak penyelarasan perlu menentukan bahawa setiap kilang atau industri tertentu diwajibkan membentuk pertubuhan belia masing-masing sebagai salah satu usaha membangunkan sumber belia. Dengan cara ini, pihak kilang tidak hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata tetapi juga memikirkan tentang pembangunan sahsiah belia. Pihak majikan perlu diberikan kefahaman tentang konsep kerja belia dan pembangunan belia berwawasan supaya mereka dapat menghargai sumbangan belia dalam pembangunan negara dan kilang mereka.

Media massa termasuk radio, television, akhbar dan majalah merupakan wadah penting yang mampu mengubah imej belia dan pertubuhan belia. Pihak media perlu menonjolkan imej positif terhadap belia berdasarkan kepada fakta sebenar dari penelitian yang sistematik. Kepakaran dalam belia perlu ditumpukan oleh media massa supaya selain dan popularity dan keuntungan, mesej yang mengandungi unsur-unsur pendidikan dijadikan asas kepada pembangunan belia. Penekanan yang berat kepada keuntungan semata-mata oleh pihak media akan menyebabkan matlamat sebenar untuk membina generasi belia yang unggul tidak akan tercapai.

Dari segi penggunaan media di kalangan belia, Musa dan Narimah (1996) telah menyentuh perangkaan yang telah dibuat oleh beberapa pengkaji. Di antaranya ialah, di kalangan remaja 12 tahun di luar Bandar, mereka menonton secara perata 4.5 jam sehari di hari minggu dan 2.5 jam pada hari sekolah (remaja di Bandar 5 akm dan 3 jam) di kalangan belia dewasa pula, mereka mendengar radio 2.3 jam sehari dan 1.5 jam menonton television. Mereka lebih banyak membaca akhbar berbanding dengan radio atau television. Jadi, berdasarkan kepada maklumat ini memanglah media massa mempunyai implikasi kepada golongan belia.

Buat masa ini memang terdapat usaha oleh pihak media ke arah menonjolkan imej belia tetapi masih belum jelas dari segi menonjolkan imej yang sebenarnya dikehendaki. Program-program yang berupa *intellectual discourse* perlu di adakan oleh penyelaras persatuan belia sehingga mendapat tempat di hati belia dan masyarakat. Sebagai contoh, mungkin di TV boleh diadakan program seperti Forum Belia Perdana untuk menampilkan kepakaran dan pengalaman pihak cendiakawan dan pemimpin serta belia sendiri. Jika program seperti ini dapat menonjolkan imej bahawa pentingnya belia terlibat dengan pertubuhan belia maka lebih ramai lagi akan melibatkan diri. Dengan itu akan lebih ramai lagi pemimpin pelapis yang akan muncul. Mungkin juga pihak media massa perlu mempunyai kakitangan khas yang boleh mengendalikan program belia yang lebih mantap lagi.

Kemudahan yang terhasil daripada teknologi maklumat yang sedang

berkembang pesat dewasa ini patut di gunakan sepenuhnya. Apa yang diharapkan pada satu masa nanti semua persatuan belia dari peringkat cawangan hinggalh ke peringkat kebangsaan perlu mempunyai komputer untuk dihubungkan dengan satu system rangkaian yang membolehkan para belia dan mereka yang berminat untuk memberi sumbangan kepada belia dapat berhubung antara satu sama lain ke arah pembangunan belia. Setiap pertubuhan akan mempunyai *homepagenya* sendiri supaya setiap keunikan yang dimiliki oleh pertubuhan akan dapat dikongsi bersama bukan sahaj di negara kita tetapi di arena antarabangsa.

### **Kesimpulan**

MPB mempunyai tugas berat untuk menentukan bahawa persatuan-persatuan belia dapat memainkan peranan yang lebih aktif supaya imej belia dapat dibentuk ke arah yang lebih positif. MPB perlu lebih serius dalam mengenalpasti keperluan dan masalah belia serta jalan penyelesaiannya. Sebagai sebuah badan penyelaras, MPB perlu mempunyai rekod yang lengkap mengenai perkembangan setiap pertubuhan belia yang bergabung di bawah satu bumbung. Kemudahan teknologi maklumat perlu dipertingkatkan penggunaannya untuk membolehkan setiap pertubuhan belia berhubung antara satu sama lain dan dengan MPB supaya perkongsian maklumat dapat dibuat. Sebab itulah ekonomi pertubuhan mesti kukuh. Dengan kedudukan ekonomi yang kukuh maka apa juga program (kerohanian, sosial, kesukanan, kesenian dan kebudayaan, pendidikan, kemasyarakatan) untuk membangunkan belia dapat dijalankan dengan lebih mantap. Dengan kata lain, pemerhatian yang dibentangkan merangkumi aspek-aspek di atas dan lain-lain ruang yang perlu diberi tumpuan oleh MPB demi untuk meningkatkan martabat persatuan-persatuan belia.

Anggota MPB perlu menoleh sejenak ke belakang untuk melihat dan muhasabah kembali apa yang telah disumbangkan kepada warga belia. Apakah mungkin ada orang lain yang lebih berwibawa untuk menerajui MPB?. Kalau tidak ada, apakah usaha untuk membentuk barisan pelapis yang akan meneruskan perjuangan MPB?. Anggota MPB perlu ingat bahawa mereka adalah pemimpin akan meneruskan perjuangan ingat bahawa mereka adalah pemimpin dan mereka akan ditanya tentang kepimpinannya. Mereka perlu 'turun ke padang' untuk berbincang dengan para belia di peringkat akar umbi untuk memberikan keyakinan kepada pertubuhan bahawa mereka mempunyai potensi dan potensi tersebut boleh dimanfaatkan untuk kawasan masing-masing.



## Rujukan

- Azimi Hamzah 1990. **Isu dan Cabaran dalam Kerja-kerja Belia**. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kepimpinan Belia, Kuala Lumpur.
- Azimi Hamzah, Turiman Saundi & Azmi Awang. 1993. **Youth As Partner in Development: The Experience of Kampung Endah Organisation**. Serdang, Universiti Pertanian Malaysia .
- Mustaffa Kamil Ayub. 1996. **Pergerakan Belia Sebagai Agen Sosialisasi Pewaris** Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Agen Pembangunan Pewaris Negara. Putrajaya Selangor.
- Musa Abu Hassan dan Narimah Ismail. 1996. **Media Massa dan Belia**. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Agen Pembangunan Pewaris Negara. Putrajaya Selangor.
- Saraswathi S. 1988. **Youth in India**. Delhi: Cambridge Press
- Smith, Doug 1990. **Approaching Youth Policy**. London: Commonwealth Youth Programme, Commonwealth Secretariat.
- Turiman Suandi. 1994. **Ke Arah Profesionalisma dalam Kerja Belia**. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Belia Negeri Kelantan, Kota Baharu.
- Turiman Suandi & Azimi Hamzah. 1996. **Keperluan Latihan untuk Agen Pewaris**. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Agen Pembangunan Pewaris Negara, Putrajaya, Selangor.